

Bahana Berita Palsu

Oleh : Zulaika Zull Kafli & Nurul Ezzaty Mohd Azhari

Kemajuan teknologi masa kini yang semakin canggih membolehkan maklumat dikongsi dan disebarkan kepada masyarakat dengan mudah dan pantas. Namun, kemunculan media baharu menyebabkan penyebaran maklumat tidak tepat dan berita palsu yang berisiko menimbulkan kemarahan dan keresahan rakyat sehingga menggugat keharmonian sesebuah negara.

Menerusi temubual bersama Nur Naseha Rusli, 22, mahasiswa Bachelor Komunikasi UPM, menurut beliau berita palsu adalah suatu bentuk berita yang tidak mempunyai bukti yang kukuh akan kesahihannya disamping si pemberita ingin menjadi pemberita pertama dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. *“Rata-rata maklumat disampaikan tanpa usul periksa dan diperbesarkan, malahan sekiranya tidak dibendung boleh memberikan impak yang negatif terhadap emosi dan mental mangsa”* katanya.

Menurut Syafiq Akmal pula, mahasiswa tahun 2 Bachelor Sains Kimia UPM, berita palsu disebarkan bertujuan untuk kepentingan sesebuah pihak. *“Saya pernah mempercayai berita palsu berkaitan isu Zakir Naik di Twitter kerana isu tersebut telah tular akibat kelakuan sesetengah pihak media yang telah memanipulasi kenyataan beliau”* katanya.

Berbeza pula pendapat oleh Auni Shafilla, 22, berita palsu berpunca daripada lumrah manusia yang sukakan sesuatu perkara yang bersifat kontroversial lalu menghebahkannya tanpa usul periksa. Mahasiswa Bachelor Sains Kimia ini juga berkata, antara langkah yang boleh diambil untuk memastikan bahawa berita yang dibaca adalah benar dan sah dengan merujuk kepada kenyataan rasmi daripada pihak berkuasa mengenai perkara tersebut.

Meskipun individu yang melakukan kesalahan ini berselindung dibalik akaun media palsu, pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM), CyberSecurity Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menyiasat dan memantau aktiviti penyebaran berita palsu dengan terperinci demi memelihara keamanan dan keharmonian negara.

Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia, masyarakat seharusnya berhati-hati dan beretika ketika membaca dan berkongsi sesuatu maklumat agar gejala penyebaran berita palsu dapat dibendung.



Penulis bergambar bersama responden, Nur Naseha Rusli (tengah), 22, selepas sesi menemu bual berkaitan isu berita palsu di Kompleks Akademik A, Universiti Putra Malaysia (UPM).